

# Syor DEB dilanjutkan untuk bantu Melayu

BH 21/6/03

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno mahu kerajaan meneruskan agenda Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerana masih ramai Melayu yang ketinggalan dalam pelbagai bidang berbanding kaum lain meskipun dasar itu sudah berakhir.

Wakil Pergerakan Peniuda Umno, Datuk Dr Zambry Abd Kadir, ketika membahaskan usul ekonomi, berkata Pemuda Umno mahu kerajaan meneruskan agenda DEB bagi mewujudkan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan dan pengurangan ketidakseimbangan di kalangan kaum.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Umno Perak berkata, pertimbangan hendaklah dibuat dengan memastikan falsafah DEB dan sistem meritokrasi dilaksanakan tanpa mewujudkan semula jurang antara kaum.

Sehubungan itu, katanya, semangat DEB hanya dihapuskan apabila tidak lagi wujud perbezaan antara

kaum disebabkan kedudukan ekonomi.

“Bagaimanapun, ketika orang Melayu memerlukan penerusan falsafah DEB, kita juga hendaklah memastikan mentaliti subsidi dan terlalu bergantung kepada ‘tongkat’ perlu diubah,” katanya.

Zambry berkata, komitmen kepimpinan negara untuk meneruskan agenda bangsa tidak pernah padam berdasarkan pemilikan ekuiti Melayu yang kurang dua peratus sebelum ini, kepada 19.8 peratus kini.

“Meskipun ia (pemilikan ekuiti) masih tidak menyenangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, namun beliau sudah melakukan banyak perkara bagi tujuan meningkatkan ekuiti Melayu.

“Kini kita mempunyai Dasar Wawasan Negara yang masih mempunyai teras DEB, iaitu mewujudkan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan dan pengurangan ketidak-

seimbangan,” katanya.

Beliau berkata, oleh itu, kerajaan sewajarnya menyediakan satu tanda aras bagi meneliti tahap pencapaian orang Melayu serta melaksanakan pemantauan berterusan.

Sehubungan itu, katanya, bagi mencapai tujuan itu, Pemuda Umno mencadangkan dua bidang utama yang perlu diberi penekanan iaitu aspek pendidikan dan memacu penyertaan orang Melayu dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Sementara itu, katanya, berdasarkan keupayaan Malaysia melaksanakan beberapa kaedah dan model ekonomi sendiri, beliau mencadangkan agar kerajaan menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan Ekonomi Alternatif.

Beliau berkata, institut itu harus menjadi pusat penyelidikan sarjana ekonomi, tempatan dan antarabangsa untuk menyelidik

dan mengemukakan model perancangan ekonomi yang dapat dilaksanakan di negara ini, negara membangun lain dan negara Islam.

“Selain itu, saya ingin mencadangkan agar Malaysia menjadi Pusat Ekonomi Islam Sedunia dengan pelaksanaan ekonomi Islam yang sangat progresif seperti wujudnya Bank Islam, insurans Islam, Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa dan kini idea pelaksanaan dinar emas,” katanya yang yakin Malaysia bakal muncul sebagai pusat kegiatan ekonomi berlandaskan ekonomi Islam.